

15 MAY 2001

Syed Hamid-India

SWASTA MALAYSIA DAN INDIA PATUT TUBUHKAN JENTERA PELAKSANA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Kerajaan Malaysia dan India bersetuju supaya swasta kedua-dua negara menubuhkan jentera bagi melaksanakan semua perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani semalam.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari India Atal Bihari Vajpayee di sini hari ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Kami bersetuju supaya satu mekanisme, selain daripada mesyuarat jawatankuasa bersama yang diadakan setiap tahun, dan saya berpendapat sektor swasta daripada pelbagai dewan perdagangan patut mempunyai jentera sendiri," katanya kepada pemberita.

Mesyuarat itu diadakan semasa Dr Mahathir mengunjungi Vajpayee di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini untuk mengucapkan selamat jalan. Vajpayee akan berlepas pulang esok manakala Dr Mahathir kini berada di Ipoh untuk merasmikan sambutan Hari Belia peringkat Kebangsaan.

Sebelum itu, kedua-dua pemimpin menghadiri Forum Perniagaan Malaysia-India bertajuk "Meningkatkan Rakan Usahasama Malaysia-India: Perkongsian Wawasan Abad ke-21", di tempat yang sama.

Semalam, Dr Mahathir dan Vajpayee menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dua hala mengenai pengecualian syarat visa untuk pemegang pasport diplomatik dan pegawai serta mengelak percukaian berganda dan pencegahan pengelakan fiskal berkaitan dengan cukai dan pendapatan serta lima MoU.

MoU yang ditandatangani pula adalah berkaitan dengan kerjasama bersama dalam pelaburan, pembinaan, penswastan dan pengurusan pelabuhan laut di India; kerjasama dalam Teknologi Maklumat dan perkhidmatan; dan kerjasama dalam perkhidmatan awam, pengurusan kakitangan dan pentadbiran awam.

Yang lain ialah pembinaan trek berkembar Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Ipoh-Padang Besar dan kerjasama antara Suruhanjaya Sekuriti dan Securities Exchange Board India.

Syed Hamid berkata kedua-dua Perdana Menteri berminat untuk melihat semua perkara yang dipersetujui dan ditandatangani semalam disusuli dan dilaksanakan.

Katanya semasa perbincangan, kedua-dua pemimpin menyuarakan rasa puas hati mereka mengenai kejayaan rundingan antara kerajaan dan swasta kedua-dua negara.

-- BERNAMA

MHI AHH LAT